

**KE ARAH PEMBENTUKAN UNIVERSITI *TA'DIBI* : KAJIAN TERHADAP  
MADRASAH TARBIAH RASULULLAH S.A.W**

Nurzatil Ismah Azizan<sup>1</sup>, Nazneen Ismail<sup>2</sup>

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

**ABSTRAK**

Pendidikan tinggi di Malaysia disifatkan semakin berkembang pesat apabila statistik menunjukkan pertambahan bilangan Institut Pengajian Tinggi (IPT) sama ada awam mahupun swasta dari tahun ke tahun. Peningkatan ini disifatkan sebagai berpunca daripada sokongan kerajaan serta kepesatan pembangunan ekonomi. Malah, kedua-dua faktor ini sebenarnya memberi kesan terhadap penentuan hala tuju sesebuah IPT (Hamidah Abd. Rahman dkk. 2004). Justeru, penubuhan IPT dilihat lebih bertujuan memenuhi kehendak pasaran dan permintaan daripada sektor pekerjaan. Atas dasar ini juga, para pelajar atau pelanggan IPT memilih tempat pengajian yang difikirkan mampu menjamin kedudukan mereka dalam bidang pekerjaan di masa hadapan. Enrolmen pelajar ke IPT yang semakin meningkat saban tahun mencatatkan bahawa jurusan yang dipilih lebih memihak kepada bidang teknologi dan kemahiran terkini. Namun begitu, ia tetap tidak mampu mengatasi kerisauan masyarakat terhadap masalah pengangguran ribuan graduan. (Utusan Malaysia 2010). Ini menunjukkan bahawa para graduan dan mahasiswa kurang mampu meyakinkan masyarakat dalam soal memberi sumbangan kepada negara. Lebih merunsingkan apabila sebahagian besar mereka terdedah dan terlibat secara langsung dengan gejala sosial. Walaupun ramai pelajar melanjutkan pengajian di IPT, masih terdapat diantara mereka terlibat dengan masalah sosial yg merunsingkan. (Zainuddin Abu dkk. 2008). Ini sebenarnya rentetan daripada tujuan utama penubuhan universiti sebagai pusat pendidikan dan pembangunan insan seolah-olahnya dipinggirkan begitu sahaja. Sedangkan Rasulullah s.a.w selaku pengasas universiti pertama dalam dunia Islam menetapkan pembinaan jati diri insan sebagai fokus utama. Hasilnya, lahir generasi madrasah tarbiyyah Rasulullah s.a.w yang bukan sahaja baik akidah dan akhlakunya bahkan cemerlang juga dari sudut kehidupan duniawi mereka. Untuk itu, kertas kerja ini membincangkan kewajaran madrasah Rasulullah s.a.w dijadikan

model dengan cara memperhalusi semula kaedah yang digunakan Baginda supaya dapat disesuaikan dengan konteks pendidikan dan keperluan dunia hari ini khususnya dalam membentuk universiti ta'dibi.

**Kata Kunci :** Ta'dibi, Tarbiyah, IPT.

## 1.0 PENDAHULUAN

Menyingkap sejarah perutusan Rasulullah s.a.w sebagai rasul, didapati bahawa wahyu pertama disampaikan kepada Baginda s.a.w adalah berkait rapat dengan ilmu iaitu Surah al-‘Alaq (96) ayat 1-5. Selain daripada mengangkat kenabian ayat ini turut memberi pengajaran kepada umat Baginda s.a.w berkenaan kepentingan ilmu melalui pembacaan. Sejarah madrasah tarbiah Rasulullah s.a.w memperlihatkan metode pendidikan yang dilakukan oleh Baginda s.a.w demi membentuk para sahabat r.a yang memiliki akhlak dan ilmu yang hebat. Justeru, kertas kerja ini membincangkan kaedah pentarbiahan madrasah Rasulullah s.a.w yang terbukti melahirkan para muaddib dan mujahid yang hebat dalam memperjuangkan agama Islam. Seterusnya membincangkan bagaimana metode baginda dapat diaplikasikan dalam proses pengajaran dan pembelajaran di institusi pengajian tinggi hari ini khususnya universiti yang bertujuan menjadi sebuah universiti *ta’dibi*.

### **Pengenalan Universiti *Ta’dibi*.**

Perkataan universiti berasal daripada Bahasa Inggeris, *university* bermaksud institusi pengajian tinggi yang menjadi platform untuk melakukan penyelidikan bagi pengajian yang berterusan bagi melayakkan ijazah dianugerahkan.<sup>1</sup> Dalam bahasa Arab pula perkataan *Jami’ah* digunakan bagi menggambarkan universiti dengan maksud kumpulan pengajian ilmu yang terdiri daripada pengajian adab, sastera dan ilmu-ilmu lain selepas melalui peringkat pengajian menengah.<sup>2</sup>

Manakala perkataan *ta’dib* berasal daripada kalimah *Addaba*, *Yuaddibu*, *Ta’diban* yang bermaksud mendidik akhlak kepada akhlak yang baik. Ia juga membawa maksud kesopanan dan

---

<sup>1</sup> *Oxford Student’s Dictionary*. 2002. New York: Oxford University Press.

<sup>2</sup> *Al-Mu’jam al-Arabi al-Asasi*. 1997.

ketertiban.<sup>3</sup> Ini menunjukkan lafaz *ta'dib* lebih mengarah kepada pembaikan tingkah laku sekaligus merangkum nilai yang terkandung dalam dua terma lain seperti *al-Tarbiyah* (pendidikan) dan *al-Ta'lim* (pengajaran).<sup>4</sup>

Kemas Badaruddin mengulas pendapat al-Attas dengan menyebutkan bahawa *ta'dib* adalah satu terma yang paling tepat dan benar untuk menunjukkan konsep pendidikan Islam. Ini kerana tujuan mencari ilmu termasuk dalam konsep adab. Dengan ini, *ta'dib* membawa maksud pembaikan budi pekerti sehingga akhirnya dapat mencegah diri seseorang daripada salah nilai dan salah laku.<sup>5</sup>

Kalimah *ta'dib* ini diambil daripada hadis Rasulullah s.a.w yang bermaksud: *Tuhanku telah menyemai dan mengukuhkan adab dalam diriku, dan Dia telah memperelok pendidikan adabku.*<sup>6</sup> Al-Attas menghuraikan hadis ini sebagai menunjukkan bahawa Rasulullah s.a.w sebagai bukti keutamaan akhlak itu sendiri. Seiring dengan itu, al-Attas juga berpendapat bahawa antara kepentingan adab ialah supaya ilmu diamalkan dengan baik dan tidak disalah guna. Ini kerana ilmu tidak bersifat bebas nilai (*value free*) tetapi sebaliknya sangat sarat nilai (*value laden*).<sup>7</sup>

Daripada takrif di atas, dapat disimpulkan bahawa Universiti *Ta'dibi* adalah sebuah institusi pengajian tinggi yang mengambil berat aspek adab sebagai wasilah pengajaran ilmu. Ia

---

<sup>3</sup> *Ibid.* hlm 77.

<sup>4</sup> Syahrul Riza. 2010. *Konsep Pendidikan Islam Menurut Pemikiran Ibn Khaldun*. Pnyt.: Noor Shakirah Mat Akhir. Kuala Lumpur: Scholar mind Publishing.

<sup>5</sup> Kemas Badaruddin. 2007. *Filsafat Pendidikan Islam (Analisis pemikiran Prof. Dr. Syed Muhammad al-Naquib al-Attas)*. Yogyakarta: Pustaka Pelajar.

<sup>6</sup> *Al-Mu'jam al-Arabi al-Asasi*. 1997

<sup>7</sup> Kemas Badaruddin. 2007. *Filsafat Pendidikan Islam (Analisis pemikiran Prof. Dr. Syed Muhammad al-Naquib al-Attas)*.

menggunakan metode yang menggabungkan di antara teori dengan praktikal. Dengan harapan ia bakal membentuk akhlak, adab dan kesopanan dalam diri pelajar.

## **2.0 MADRASAH TARBIAH RASULULLAH S.A.W**

Budaya ilmu telah dipupuk oleh baginda s.a.w kepada para sahabat dalam segenap urusan kehidupan. Ini mendorong sehingga tertubuhnya pusat pengajian yang pertama dalam dunia Islam iaitu Akademi al-Arqam di Makkah dan Masjid Nabawi di Madinah. Kedua-dua tempat ini menjadi pusat gerakan intelektual pertama dalam Islam di samping melahirkan para sahabat alim lagi berakhlak. Ini adalah rentetan daripada akidah Islamiyyah yang dijadikan sebagai fokus pengajian.<sup>8</sup> Ini bermakna, di pusat pengajian ini agama Islam sendiri menjadi teras kerana akidah yang kental memberi kesan besar kepada pembentukan akhlak dan perkembangan disiplin ilmu lain.

Perkara utama yang perlu diberikan perhatian juga ialah prinsip tarbiah Rasulullah s.a.w dalam menyampaikan ilmu kepada para sahabat. Antaranya sentiasa memuji dan berbuat baik kepada para sahabat, belas kasihan terhadap sahabat yang melakukan kesalahan dan tidak mengasarinya, tidak memalukan individu yang melakukan kesalahan sebaliknya membuat tergunan bersifat umum di samping bersikap tegas terhadap perkara yang penting.

Secara tidak langsung, kita dapati Baginda s.a.w tidak mengabaikan aspek akhlak dalam pengajarannya. Baginda s.a.w tetap meraikan maruah para sahabatnya dan turut menyalurkan adab kepada mereka sama ada secara sedar mahupun tidak. Para sahabat yang tertarik kepada

---

<sup>8</sup> Abdullah Muhd Zin. 2005. *Pendidikan Islam Di Malaysia dari pondok ke Universiti*. Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur.

keperibadian Baginda s.a.w menjadikan mereka tetap setia mendengar pengajaran daripada Baginda s.a.w. Prinsip ini bukan sahaja membantu para pendidik menyampaikan ilmu dengan berkesan bahkan juga memberi kefahaman kepada pelajar.

Dalam usaha membentuk sebuah universiti yang berasaskan pembentukan adab, sewajarnya kajian terhadap madrasah Rasulullah s.a.w perlu diperincikan. Ini kerana madrasah Baginda s.a.w terbukti merupakan sebuah universiti yang mampu melahirkan insan seimbang dalam urusan duniawi dan ukhrawi. Justeru, pihak pengurusan perlu menyemak semula asas penubuhan sebuah universiti serta memastikan ia mengambil acuan madrasah Baginda s.a.w. Ia dapat dilakukan dengan memberi penekanan kepada penentuan visi dan objektif universiti, pembentukan kerangka kurikulum, peranan pensyarah, serta pembinaan jati diri pelajar.

### **Penentuan visi dan objektif universiti yang menekankan pendidikan rabbani.**

Perkara paling utama dalam kehidupan manusia ialah mengenali pencipta. Malah, ia adalah sebahagian daripada fitrah insani. Namun, akal yang terbatas tidak akan mampu untuk menanggapi hakikat pencipta melainkan melalui para utusan-Nya. Hanya ketauhidan kepada Allah s.w.t yang diiktiraf oleh-Nya. Tanpa pengakuan ini seseorang itu tidak dinamakan beriman kepada Allah s.w.t. Ini juga adalah seruan pertama yang dinyatakan dalam dakwah para rasul terdahulu. Begitu juga yang diajarkan Rasulullah s.a.w. kepada Muaz bin Jabal sebagai utusan ke Yaman dengan sabdanya yang bermaksud: *“Sebenarnya engkau akan sampai kepada suatu kaum ahli kitab, kemudian apabila engkau menemui mereka, maka serukanlah mereka supaya*

*mereka menyakini bahawa sesungguhnya tiada tuhan yang berhak disembah melainkan ALLAH dan bahawa sesungguhnya Nabi Muhammad ialah pesuruh ALLAH.....”<sup>9</sup>*

Tarbiah supaya mengenal Allah merupakan pegangan yang harus digenggam erat zaman berzaman. Bermula daripada umat manusia yang pertama, kesemuanya telah disyariatkan supaya mengenal Allah s.w.t dan mengakui keesaan-Nya. Mesej yang sama juga dibawa oleh kitab-kitab terdahulu daripada al-Quran. Perintah ini diajarkan kepada manusia supaya mereka mengenali Allah s.w.t agar tidak tersasar daripada tujuan sebenar penciptaan mereka.

Dasar ketauhidan yang diterapkan dalam kehidupan ini disebut juga sebagai rabbani. Faktor ini memainkan peranan utama bagi mengekalkan insan untuk hidup dalam fitrah. Ia perlu wujud dalam diri pendidik, kurikulum, dasar mengurus teknologi dan sains serta kaedah pengajaran dan pembelajaran. Ini kerana setiap ilmu adalah bersifat rabbani. Ilmu yang dipisahkan daripada nilai rabbani boleh menjadikan manusia melampaui sempadan nilai dan etika akibat tiadanya rasa bertuhan dalam diri.<sup>10</sup>

Dengan ini, visi dan objektif universiti yang sebelum ini lebih berkiblatkan barat dan mengejar arus globalisasi perlu dimurnikan semula. Falsafah dan tujuan pendidikan sebenar perlu diperhalusi semula untuk diterjemahkan sebagai visi universiti. Ini kerana dengan penentuan visi yang jelas dan terarah memainkan peranan paling utama dalam memandu sesebuah universiti.

---

<sup>9</sup> Muhammad b. Ismail. *Sahih al-Bukhari*, Kitab al-Maghazi, Bab Ba'th Abi Musa wa Mu'az Ila al-Yaman Qabla Hajja al-Wida'. No 4000.

<sup>10</sup> Sidek Baba. 2006. *Pendidikan Rabbani: Mengenal Allah Melalui Ilmu Dunia*. Shah Alam: Karya Bestari Sdn. Bhd.

Pemilihan ahli pengurusan, staf sokongan dan para pensyarah perlu dibuat berdasarkan kefahaman dan semangat untuk merealisasikan gagasan visi universiti. Ia penting supaya dapat berganding bahu melahirkan insan yang beradab. Dengan kefahaman terhadap visi dan objektif universiti ini, secara tidak langsung ia akan membantu pembentukan keperibadian anggota organisasi itu sendiri sebelum ia dipindahkan kepada para pelajar.

Visi universiti yang menjadikan tauhid sebagai landasan bakal membuka seluas-luasnya ruang kepada ahlinya dalam meneroka ilmu pengetahuan. Tiada lagi kongkongan dari pihak luar yang selama ini menjadikan pihak universiti seperti ‘pak turut’. Ini sebenarnya telah menjatuhkan nilai sesebuah universiti itu sendiri. Berbeza dengan universiti *ta’dibi* yang meletakkan sepenuhnya pergantungan kepada Tuhan tanpa sedikit pun merasa gusar kepada makhluk. Rasa bertuhan dalam anggota universiti ini akhirnya akan menghasilkan insan yang hidup dengan ihsan dan proaktif.

### **3.0 PENSYARAH SEBAGAI MUADDIB**

Dalam usaha mendidik manusia untuk berakhlak dan beradab memerlukan contoh teladan yang ‘hidup’. Justeru, untuk membangunkan institusi pengajian yang menekankan adab maka para tenaga pengajar perlu terlebih dahulu berakhlak dan beradab. Ia terbukti lebih berkesan ke dalam diri para pelajar berbanding dengan mengemukakan teori semata-mata dalam kuliah. Sedangkan Baginda s.a.w sendiri melakukan dahulu perkara yang disarankan kepada para sahabat sebagai sunnah kepada mereka. Contohnya Rasulullah s.a.w turut menyertai peperangan di samping menggesa para sahabat untuk berjuang menegakkan Islam. Selain itu, Rasulullah s.a.w juga bangun beribadah di sepertiga malam di samping menekankan kepada para sahabat agar melakukan perkara yang sama.



M. Hamidullah dalam karyanya *Educational System in The Time Of Prophet* membawakan contoh semangat yang dibawa oleh Rasulullah s.a.w dalam mengajar dan mendidik para sahabat. Baginda s.a.w bersama-sama para sahabat mempelajari teknik memanah, berenang, belajar matematik (pengiraan harta pusaka), perubatan, astronomi, genealogi, dan fonetik (keperluan dalam membaca al-Quran). Pengajaran dan pembelajaran itu pula dilakukan secara berterusan.<sup>11</sup>

Dalam sebuah universiti, pensyarah adalah insan yang paling menjadi tumpuan para pelajar. Oleh itu, hubungan di antara pensyarah dan pelajar tidak sewajarnya terhenti sekadar pemindahan maklumat (*transferring the information*). Ia sepatutnya memindahkan keperibadian dan akhlak serta menjana akal pelajar untuk mencipta pengetahuan (*creating the knowledge*). Ini adalah model yang diajarkan baginda s.a.w apabila sejarah mencatatkan bahawa para sahabat saling berlumba untuk mencontohi gaya hidup Baginda s.a.w. Kesempurnaan akhlak Baginda s.a.w sendiri menjadi daya penarik kepada mereka yang ada di sekelilingnya. Para sahabat turut menyaksikan bahawa kemuliaan akhlak sama sekali tidak menjadi penghalang kemajuan dalam hidup dunia bahkan ia bertindak sebagai pemangkin. Dengan adanya tautan hati di antara Baginda s.a.w selaku pensyarah dan para sahabat sebagai pelajar, maka penjana ilmu pengetahuan itu lebih cepat dan subur.<sup>12</sup>

Justeru, fokus utama bagi seorang muaddib ialah pemindahan adab ke dalam diri para pelajar. Sesuai dengan tujuan perutusan Rasulullah s.a.w sebagai penyempurna kemuliaan akhlak, baginda turut dibekalkan dengan akhlak yang mempunyai ciri Qurani. Ia bukan sahaja diterapkan kepada umat secara tekstual tetapi juga bersifat interaktif secara kontekstual dalam

---

<sup>11</sup> Abdullah Muhd Zin. 2005. *Pendidikan Islam Di Malaysia dari pondok ke Universiti*.

<sup>12</sup> Al-Hasyimi, Abdul Hamid. 1981. *Al-Rasul al- 'Arabiyy al-Murabbi*. Terj. Ibn Ibrahim. Jakarta: Pustaka Azzam.

menangani masalah yang mendatang. Hasilnya, lahir tamadun besar yang tidak menolak kepentingan alat tetapi pada masa yang sama menekankan aspek menitipkan adab.<sup>13</sup>

Seorang pensyarah yang cemerlang juga memperhatikan keadaan dan kesediaan para pelajarannya untuk menjalani proses pembelajaran dan pengajaran. Dia perlu bijak menyesuaikan teknik pengajaran dengan waktu dan keadaan para pelajarannya. Setiap sesuatu perlu diatur agar sesuai dengan psikologi para pelajarannya. Tidak perlu dengan sengaja menekan para pelajar, sebaliknya mendidik mereka supaya mencintai ilmu dengan sendirinya.<sup>14</sup>

Dalam usaha untuk mencontohi Rasulullah s.a.w, para pensyarah perlu memusatkan perhatian kepada penyucian hati sebelum menyampaikan pengajaran. Kesabaran adalah perkara yang terpenting bagi seorang pendidik kerana cabaran terbesar dalam pendidikan ialah menghadapi karenah para pelajar yang pelbagai. Justeru, pensyarah juga seharusnya mendidik para pelajarannya agar sama-sama berlapang dada, mengikhhlaskan niat serta memperbaiki diri dari hari ke hari dengan ilmu yang diperoleh. Hasil daripada pendidikan sebegini mampu membina diri para pelajar tersebut bukan sahaja untuk urusan duniawinya bahkan turut mencakupi urusan ukhrawi.<sup>15</sup>

Oleh itu, semua pensyarah perlu melakukan perkara baik dan menggalakkan pelajar turut sama melakukannya. Ilmu itu hanya mendatangkan manfaat kepada pemiliknya apabila ia dilaksanakan. Tanpa amal ilmu sama sekali tidak bermanfaat.

---

<sup>13</sup> Sidek Baba. 2006. *Pendidikan Rabbani: Mengenal Allah Melalui Ilmu Dunia*.

<sup>14</sup> Al-Hasyimi, Abdul Hamid. 1981. *Al-Rasul al-'Arabiyy al-Murabbi*.

<sup>15</sup> *Ibid*

#### 4.0 MASJID SEBAGAI PUSAT PENDIDIKAN

Masjid merupakan sebuah pusat kegiatan ilmu yang sentiasa dipenuhi oleh para sahabat ketika zaman Rasulullah s.a.w. Baginda akan menyampaikan kuliah kepada para sahabat tidak mengira waktu siang atau malam. Selain daripada itu Rasulullah s.a.w menjadikan solat lima waktu secara berjemaah di masjid sebagai kaedah disiplin kepada para sahabat. Ia dilihat memberi impak yang maksima kerana hubungan yang baik antara manusia dan Allah akan menjadikan ilmu itu mudah difahami dan dihayati. Di Masjidil Haram, halaqah ilmu masih berterusan sehingga kini. Mereka bukan sahaja mengajar di masjid malah punyai sistem peperiksaan sama seperti sekolah-sekolah di Malaysia.

Dilihat pada perkembangan pendidikan, perkataan *Jamiah* yang digunakan sekarang adalah merujuk kepada universiti yang terhasil daripada perkembangan sistem pendidikan di masjid. Masjid Jamik telah menawarkan pengajian yang berstatus pendidikan tinggi atau universiti. Dengan itu penggunaan istilah jamiah adalah kesan perkembangan masjid sebagai universiti. Buktinya adalah seperti Qairawan di Fez, Maghribi dan Al-Azhar di Mesir yang pada asalnya adalah masjid.<sup>16</sup>

Justeru, peranan masjid yang umumnya dikenali hari ini sebagai tempat ibadat atau tempat menuntut ilmu agama perlu diperluaskan lagi skopnya. Ia juga sepatutnya disenaraikan sebagai salah satu daripada kelas atau tempat kuliah pada pelajar. Sedikit sebanyak ia akan menjadikan masjid bukan lagi tempat yang asing bagi sesetengah pelajar. Dengan itu, fasiliti masjid perlu dipertingkatkan agar lebih selesa seperti dewan kuliah, bilik tutorial, kafeteria dan

---

<sup>16</sup> Abdullah Muhd Zin. 2005.

pejabat. Dengan ini, warga universiti tidak lagi meminggirkan masjid sebagai salah satu daripada tempat yang perlu mereka adakan program khususnya yang bersifat kemasyarakatan.

Masjid universiti juga perlu berperanan sebagai tempat untuk melahirkan ilmuwan yang mampu mendahului dalam urusan agama sama seperti kepakaran mereka dalam urusan duniawi. Pengurusan masjid juga perlu bersikap terbuka dan sedia menerima idea-idea baru dari pelbagai pihak. Keselesaan yang penuh perlu diutamakan agar warga universiti tidak lagi teragak-agak untuk masuk dan menyertai jemaahnya. Masjid bukan lagi menjadi simbol semata-mata tetapi ia mampu memainkan peranan sama penting dengan bahagian-bahagian lain dalam sebuah universiti.

## **5.0 PEMBANGUNAN KURIKULUM YANG MENYELURUH**

Islam adalah agama yang seimbang dalam aspek duniawi dengan ukhrawi. Oleh itu, dalam usaha melahirkan modal insan yang terbaik maka pihak universiti perlu membangunkan kurikulum yang menyeluruh. Keseimbangan ini menjadi perbezaan utama dengan universiti lain yang bercorak sekular.

Antara cara untuk memastikan pendidikan dapat dijalankan secara menyeluruh ialah dengan menyusun pelajar mengikut kemampuan mereka. Ini bertujuan supaya pihak universiti dapat mengenalpasti potensi setiap daripada mereka agar dapat dikembangkan dengan lebih baik dan berkesan. Antara kebolehan-kebolehan yang perlu diperhatikan ialah kemampuan menghafaz, memberi pengucapan awam, menelaah kitab, berdebat, memimpin di samping mengenal pasti tahap kecerdikan mereka. Caranya ialah dengan pergaulan secara interaktif antara

pendidik dengan para pelajarnya terlebih dahulu. Ia boleh dibuat sama ada dalam bentuk temuduga, ujian fizikal, ujian hafazan dan seumpamanya.<sup>17</sup>

Ini kerana tidak semua pelajar mampu untuk cemerlang dalam bidang akademik. Sebaliknya setiap daripada mereka mempunyai kebolehan yang tersendiri. Sekiranya penyusunan dibuat dengan betul, maka tidak akan wujud istilah pelajar cemerlang-lemah atau pelajar kelas pertama-kelas kedua. Dengan ini, akan terbina peribadi yang bermotivasi tinggi dan mampu memberikan manfaat walau di mana mereka berada.

Pihak pengurusan universiti juga perlu mengambil kira aspek rohani seperti memperuntukkan waktu untuk solat, waktu untuk mengulang hafazan qur'an, berpuasa sunat, qiamullail, bertanya dan membuat penilaian amalan (*mutaba'ah amal*).<sup>18</sup> Dengan adanya peruntukan waktu khusus untuk perkara-perkara sebegini, ia memberi garis panduan kepada pelajar bahawa peranan mereka di bumi tidak hanya untuk memajukan diri dalam bidang yang diminati tetapi perlu juga dihubungkan dengan penghambaan diri kepada Allah s.w.t (*ta'abbudiyah*).

Ini bermakna, sebuah pendidikan yang berjaya perlu kepada pemantauan yang berterusan. Rasulullah s.a.w sendiri sentiasa mengawasi halaqah yang dilakukan di masjid-masjid supaya ia berjalan dengan baik. Jika terdapat halaqah yang tersasar atau tersalah dalam hala tuju maka Baginda s.a.w akan membetulkannya. Ini terbukti apabila Rasulullah s.a.w telah menghantar

---

<sup>17</sup> Al-Hasyimi, Abdul Hamid. 1981.

<sup>18</sup> *Ibid.*

penyelia pendidikan untuk mengawasi institusi pengajian di Yaman dalam usaha meningkatkan mutu pendidikan.<sup>19</sup>

Kaedah pemantauan dan penyeliaan ini tidak berakhir selepas kewafatan Rasulullah s.a.w, malah para sahabat baginda turut melaksanakan perkara yang sama. Antaranya ialah Saidina Uthman r.a, beliau ketika melakukan transformasi terhadap mushaf al-Quran telah menghantar beberapa orang sahabat sebagai penyelia dan pemudahcara bagi pembacaan Mushaf baru. Antara negara yang terlibat ialah Kufah, Syam, Basrah, Makkah dan Madinah. Ini berlaku setelah mushaf yang sedia ada dibakar kerana berlaku pergaduhan dan perselisihan berkenaan bacaan al-Quran.

Antara lain ialah perhatian terhadap kemahiran tangan atau bekerja seperti bertukang, menjahit, merawat atau melakukan pertolongan cemas, pertanian, penternakan, mengendalikan komputer, memperbaiki mesin, membuat kira-kira dan aktiviti penyiaran. Ini boleh dilakukan dengan memperuntukkan tempoh latihan atau sesi praktikal.<sup>20</sup> Kemahiran-kemahiran seperti ini perlu diterapkan sebaik mungkin dalam diri para pelajar supaya mereka mampu berdikari dan mencipta idea baru berbanding amalan orang awam biasanya. Sebagai contoh, jika seorang pelajar itu meminati bidang pertanian, dia akan mendalami ilmu pertanian dengan bersungguh-sungguh dan cuba untuk memajukannya. Berbanding dengan petani biasa yang tidak mendapat didikan formal. Dalam hal ini ternyata graduan tersebut telah memberi sumbangan yang baik kepada masyarakat negaranya.

---

<sup>19</sup> *Ibid.*

<sup>20</sup> *Ibid.*

## 6.0 KEPELBAGAIAN KAEDAH PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

Rasulullah s.a.w merupakan pendidik terulung, kaedah dan metode yang digunakan oleh Baginda s.a.w ternyata berkesan dengan munculnya para ulama hebat di kalangan sahabat r.a. Antara metode pengajaran dan pembelajaran yang diaplikasi oleh Baginda s.a.w ialah<sup>21</sup> :

- a) Mengulang sebutan perkataan.

Teknik ini akan memudahkan para sahabat mengingat fakta dan ilmu yang diberikan. Rasulullah s.a.w apabila menyatakan sesuatu kalimah ia mengulangi sebanyak tiga kali sehingga difahami.

- b) Memperlahankan sebutan dan memisahkan perkataan

Rasulullah s.a.w adalah seorang yang tenang dan tidak tergesa-gesa ketika bercakap. Baginda s.a.w memisahkan antara setiap kalimah sehingga ia mudah dihafaz.

- c) Waktu pengajaran yang sesuai serta tidak menjemukan.

Rasulullah s.a.w sangat bijak dalam memahami para sahabat ketika sesi pengajaran. Baginda s.a.w akan memilih waktu yang sesuai dan kuliah pengajian tidak membosankan. Para sahabat dapat menghafaz ilmu yang diberikan serta mudah difahami. Rasulullah s.a.w akan memerhatikan para sahabat ketika sesi pengajaran dan pembelajaran, kerana Baginda s.a.w bimbang para sahabat akan merasa jemu.

- d) Memberi contoh perbandingan ketika pengajaran

---

<sup>21</sup> Abu Ghuddah, Abdul Fattah. 2009. *Rasulullah Pendidik Terulung*. Terj. Hj. Shuhadak Mahmud. Seremban: Al Azhar Media.

Ilmu yang disampaikan akan menjadi lebih mudah difahami dan terkesan pada akal dan hati pendengar. Rasulullah dalam pengajaran Baginda turut melaksanakan teknik ini. Allah juga menyebut dalam firman-Nya berkenaan contoh perbandingan ini. “Dan contoh-contoh perbandingan yang demikian itu kami kemukakan kepada umat manusia, dan hanya orang-orang yang berilmu yang dapat memahaminya.”<sup>22</sup>

- e) Menimbulkan persoalan dalam pengajaran dan pembelajaran.

Antara contoh Rasulullah s.a.w bertanya kepada para sahabat : Adakah kamu ingin aku tunjukkan kepada kamu perkara yang Allah hapuskan segala kesalahan dengannya dan meninggikan darjat? Para sahabat menjawab. “Ya” dan Rasulullah bersabda: “Menyempurnakan wuduk dalam kesulitan, membanyakkan langkah ke masjid, dan menunggu waktu-waktu solat.” Dengan hadis ini nyata bahawa Rasulullah ingin memberitahu kepada para sahabat amalan yang boleh menghapuskan dosa, namun ilmu tersebut disampaikan dengan persoalan.

- f) Menggunakan alat bantu mengajar

Rasulullah s.a.w ketika dalam menyampaikan ilmu turut menggunakan alat bantu mengajar agar proses pengajaran dan pembelajaran menjadi menarik dan mudah difahami. Antaranya Rasulullah s.a.w menggunakan tangan baginda. Contoh ketika menjelaskan hubungan seorang mukmin dengan mukmin yang lain. Baginda s.a.w mencampurkan jari-jari Baginda ketika menjelaskan hadis ini. Rasulullah juga ketika

---

<sup>22</sup> Surah al-Ankabut ( 29 ) : 43



ingin menjelaskan lelaki haram memakai emas dan sutera telah membawa emas dan sutera bersama-sama baginda untuk diperlihatkan kepada para sahabat.

- g) Menggunakan tutur kata yang lembut. Antaranya ialah pujian dan menggalakkan membuat kebaikan, belas kasihan terhadap orang yang melakukan kesalahan.
- h) Marah dan tegas atas sebab-sebab yang tertentu. Antaranya Rasulullah s.a.w marah apabila seorang sahabat memanjangkan bacaannya di dalam solat sehingga menyusahkan orang yang uzur.

Kepelbagaian metode pengajaran Rasulullah s.a.w ini sewajarnya dikaji dan diaplikasikan oleh para pensyarah hari ini. Kerana ia terbukti berkesan dan mampu membantu pelajar dalam memperoleh kefahaman dan adab dalam satu masa. Tambahan pula, konsep pendidikan dalam Islam yang sebenar bukan sahaja pemindahan pengetahuan bahkan turut memindahkan adab dan perlakuan (*transfer of value and action*).<sup>23</sup>

---

<sup>23</sup> Kemas Badaruddin. 2007.

## 7.0 KEMAHIRAN INSANIAH PELAJAR

Kemahiran insaniah ialah kemahiran generik yang perlu ada dalam diri seorang insan. Ini kerana ia menyentuh aspek sosialisasi yang merupakan fitrah insan itu sendiri. Umumnya dilihat sistem pendidikan di negara ini lebih mengutamakan aspek kognitif dan psikomotor sahaja dengan mengabaikan afektif dan sosial. Buktinya jelas apabila penentuan hasil pembelajaran sama sekali tidak mempunyai kaedah pengukuran daripada kedua-dua aspek tersebut. Ini menyebabkan lahir warganegara yang terpelajar tetapi tidak berpendidikan. Dengan erti kata lain, manusia hari ini sudah hilang nilai kemanusiaannya. Mereka hanya diajar untuk mempertingkatkan daya fikir sendiri dengan mengabaikan aspek sosialisasi dan kemanusiaan. Hakikatnya, ini bertentangan dengan fitrah manusia itu sendiri.

Justeru, sewajarnya pihak universiti menyemak semula kurikulum yang digariskan dalam usaha melahirkan graduan yang mampu menyumbang kepada kemajuan dan kesejahteraan negara. Sekalipun, kemahiran ini berbentuk abstrak dan sukar dinilai, tetapi ia mesti diterapkan dalam diri para pelajar dalam segenap aspek. Kemahiran bentuk ini sebenarnya membawa maksud *ta'dib* yang jelas seperti ajaran Rasulullah s.a.w kepada para sahabatnya.

Antara elemen kemahiran insaniah yang perlu dikembangkan dalam diri para pelajar ialah kemahiran berkomunikasi, pemikiran kritis dan kemahiran menyelesaikan masalah, kemahiran kerja berpasukan, pembelajaran berterusan dan pengurusan maklumat, kemahiran keusahawanan, etika dan moral profesional serta kemahiran kepimpinan. Kesemua elemen ini mesti dikuasai setiap pelajar serta dinilai secara komprehensif dan berkesan.<sup>24</sup>

---

<sup>24</sup> Kementerian Pengajian Tinggi. 2006. *Modul Pembangunan Kemahiran Insaniah (Soft Skills) untuk Institusi Pengajian Tinggi Malaysia*. Serdang: Penerbit UPM.

Kemahiran berkomunikasi melibatkan komunikasi yang berkesan dalam pelbagai bahasa sesuai dengan konteks yang terlibat. Menerusi kemahiran ini, pelajar seharusnya mampu untuk menyampaikan idea dengan jelas, mempunyai kemahiran mendengar yang aktif dan mampu memberi respons yang sesuai serta mempunyai keyakinan dalam mengemukakan idea serta bijak menyesuaikan penyampaian dengan audiens.<sup>25</sup> Ini sesuai dengan firman Allah s.w.t “ Wahai Manusia! Sungguh Kami telah menciptakan kamu dari seorang lelaki dan seorang perempuan, kemudian Kami jadikan kamu berbangsa-bangsa dan bersuku-suku agar kamu saling mengenal. Sungguh yang paling mulia diantara kamu di sisi Allah ialah orang yang paling bertaqwa. Sungguh Allah Maha Mengetahui Maha Teliti.”<sup>26</sup>

Ayat ini jelas menyatakan bahawa komunikasi adalah antara hikmah di sebalik penciptaan insan yang berbilang kaum dan bangsa . Ia juga jelas hanya akan terhasil melalui proses pembudayaan dan sosialisasi yang sihat. Kepelbagaian menjadi asas sosial yang luhur dan landasan kepada pembinaan adab dan tamadun selagi ia dipandu oleh ketakwaan kepada Allah s.w.t. Ketakwaan kepada-Nya menuntut keseimbangan dalam hidup insan agar tidak melampaui fitrahnya sendiri.<sup>27</sup>

Manakala, penekanan terhadap pemikiran kritis dan kemahiran menyelesaikan masalah mampu menjadikan pelajar mempunyai kemahiran berfikir yang pelbagai. Pelajar sepatutnya mampu mengenal pasti dan menganalisis masalah dalam situasi kompleks dan kabur serta membuat penilaian yang berjustifikasi, mampu mengembangkan dan membaiki kemahiran

---

<sup>25</sup> *Ibid.*

<sup>26</sup> Surah al-Hujurat ( 49 ) : 13

<sup>27</sup> Sidek Baba. 2006.

berfikir serta berkebolehan dalam mencari idea dan penyelesaian alternatif.<sup>28</sup> Sesuai dengan fitrah manusia sebagai makhluk yang berfikir, maka kelebihan kurniaan Allah s.w.t ini perlu digunakan secara maksima.

Para pensyarah dan pihak universiti perlu sentiasa berusaha untuk merangsang para pelajar menggunakan kekuatan daya fikiran dan hujah mereka dalam mengemukakan idea. Hujah yang didasari dengan analisis, pemerhatian dan eksperimen yang mantap bakal membuahkan lontaran idea yang bernas.<sup>29</sup> Majlis-majlis dialog dan wacana ilmiah perlu dijadikan sebagai program wajib dalam universiti. Setiap isu yang berbangkit dalam masyarakat perlu dibincangkan secara terbuka di hadapan para pelajar serta bersedia untuk menerima respons daripada mereka. Ini bertujuan supaya setiap daripada pelajar tidak akan tergolong di kalangan mereka yang fanatik sehingga menimbulkan kekacauan di tengah masyarakat kelak.

Selain itu, kemahiran kerja berpasukan juga termasuk antara elemen kemahiran insaniah yang utama kerana ia melibatkan kebolehan untuk bekerjasama dengan orang yang berbeza latar belakang untuk mencapai matlamat yang sama. Hasilnya, pelajar mampu membina hubungan baik, berinteraksi dengan orang lain dan bekerja secara efektif, mampu mengambil alih peranan ketua dan ahli kumpulan serta mampu mengenali dan menghormati sikap, kelakuan dan kepercayaan orang lain.<sup>30</sup> Ia adalah perlu kerana para pelajar adalah sebahagian daripada anggota masyarakat. Mereka akan keluar dan berdiri bersama-sama dengan ahli masyarakat lain sama ada di tempat kerja, di tempat tinggal mahupun organisasi-organisasi. Tambahan pula, kehidupan bersosial adalah fitrah bagi semua manusia di atas muka bumi ini. Maka dengan

---

<sup>28</sup> Kementerian Pengajian Tinggi. 2006. *Modul Pembangunan Kemahiran Insaniah (Soft Skills) untuk Institusi Pengajian Tinggi Malaysia*.

<sup>29</sup> Al-Hasyimi, Abdul Hamid. 1981.

<sup>30</sup> Kementerian Pengajian Tinggi. 2006.

kemahiran ini, ia membantu pelajar agar dapat diterima oleh masyarakat seterusnya menyumbang kepada mereka yang di sekelilingnya.

Kemampuan untuk melalui pembelajaran berterusan dan pengurusan maklumat melibatkan usaha belajar berdikari dalam memperoleh kemahiran dan pengetahuan baru.<sup>31</sup> Ia juga seharusnya melahirkan pelajar yang mampu menguruskan dan menilai setiap maklumat yang diperoleh untuk dikembangkan menjadi ilmu baru. Kebolehan ini mampu menjadikan mereka berbeza dengan orang lain. Kesiediaan mereka untuk terus belajar dan menyesuaikan diri adalah baik bagi diri mereka kerana sama sekali mereka tidak akan sentiasa berada dalam kelompok yang sama sepanjang hayat. Kemampuan ini juga membantu para pelajar agar dapat menyampaikan Islam pada semua umat manusia setelah mendalami latar belakang hidup mereka.

Di samping itu, pelajar perlu dilengkapi dengan kemahiran keusahawanan yang melibatkan keupayaan untuk meneroka peluang dan membangunkan kesedaran tentang risiko, kreativiti dan inovasi dalam aktiviti berkaitan perniagaan dan pekerjaan.<sup>32</sup> Rasulullah s.a.w sendiri merupakan contoh terbaik dalam aspek kesungguhan dan ketekunan bekerja. Perjalanan hidup Baginda s.a.w yang mencari rezeki sendiri menunjukkan kepada kita bahawa peribadi yang mampu mendapat pulangan hasil usahanya sendiri sebenarnya adalah mereka mempunyai kecekalan hati dan daya tahan yang tinggi.<sup>33</sup>

Selain itu, elemen etika dan moral profesional atau ihsan sebenarnya merupakan antara dasar *ta'dib* yang utama. Dengan adanya kemahiran ini, insan yang dilahirkan akan

---

<sup>31</sup> *Ibid.*

<sup>32</sup> *Ibid.*

<sup>33</sup> Al-Hasyimi, Abdul Hamid. 1981.

mengamalkan piawai moral yang tinggi dalam amalan profesional dan interaksi sosial.<sup>34</sup> Nilai ihsan hanya akan terhasil daripada keimanan yang jitu kepada Allah s.w.t. Ini kerana antara tanda iman ialah merasai pemerhatian Allah s.w.t dalam segala perbuatannya (muraqabah).<sup>35</sup> Perasaan ini adalah sebahagian daripada rasa waspada yang secara tidak langsung menjadikan insan sentiasa beriltizam dengan kejujuran dan ketelusan dalam kehidupannya. Justeru, ia begitu penting untuk diterapkan dalam diri para pelajar agar mereka mempunyai pendirian yang tetap apabila hidup di tengah masyarakat kelak.

Akhir sekali, elemen kemahiran kepimpinan amat perlu dalam diri seorang insan. Melalui kemahiran ini, seseorang itu mempunyai kebolehan untuk memimpin sesuatu atau sekumpulan masyarakat dalam pelbagai aktiviti.<sup>36</sup> Ini sejajar dengan tujuan penciptaan insan di bumi adalah sebagai khalifah Allah s.w.t.<sup>37</sup> Ia bermakna, secara fitrahnya insan itu mempunyai ciri kepimpinan dalam dirinya hatta dalam aspek mentadbir diri sendiri. Lantaran itu, ia perlu digilap dan diberi perhatian agar setiap pelajar menyedari tujuan hidup mereka di bumi ini.

## **8.0 KESIMPULAN**

Ilmu itu cahaya dan hanya akan boleh diterima oleh orang-orang yang bersih hati dan akal fikiran. Kepentingan memiliki ilmu bukan sekadar untuk memenuhi tuntutan pekerjaan atau membina kerjaya yang hebat, tetapi lebih daripada itu ia sebagai pelindung kepada manusia di dunia dan akhirat. Dengan ilmu manusia akan mampu memberi sumbangan tenaga untuk membangunkan negara, dengan ilmu juga manusia mampu membangunkan emosi agar tunduk

---

<sup>34</sup> Kementerian Pengajian Tinggi. 2006.

<sup>35</sup> Al-Bayanuni, Ahmad Izz al-Din. 2003. *Petunjuk Akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah*. Terj. Hasnan bin Kasan. KL: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.

<sup>36</sup> Kementerian Pengajian Tinggi. 2006.

<sup>37</sup> Surah al-Baqarah ( 2 ) : 30

patuh pada suruhan Allah s.w.t. Percambahan ilmu yang berlaku di institusi pengajian tinggi amat bernilai kerana ia mewakili cerdik pandai yang akan memimpin negara pada masa akan datang. Namun ilmu yang diberikan kepada mahasiswa seharusnya ilmu yang dapat memberi keuntungan kepada mereka di dunia dan akhirat. Ilmu yang tidak dipisahkan dengan adab serta ilmu yang dapat menjaga mereka daripada melakukan perkara-perkara yang buruk. Kaedah mendidik telah dipaparkan dalam sirah Rasulullah s.a.w, pendidik kini hanya perlu aplikasi kaedah tersebut dalam pengajaran dan pembelajaran. Usaha yang berterusan akan berjaya membantu ke arah menjadikan universiti sebagai universiti ta'dibi.

## RUJUKAN

Abdullah Muhd Zin. 2005. *Pendidikan Islam Di Malaysia dari pondok ke Universiti*. Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur.

Abu Ghuddah, Abdul Fattah. 2009. *Rasulullah Pendidik Terulung*. Terj. Hj. Shuhadak Mahmud. Seremban: Al Azhar Media.

Ariffin Ladari. 2008. *Biografi Rasulullah s.a.w paparan dan analisis peristiwa-peristiwa*. Selangor. Berlian Publication Sdn Bhd.

Al-Bayanuni, Ahmad Izz al-Din. 2003. *Petunjuk Akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah*. Terj. Hasnan bin Kasan. KL: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.

Al-Hasyimi, Abdul Hamid. 1981. *Al-Rasul al-‘Arabiyy al-Murabbi*. Terj. Ibn Ibrahim. Jakarta: Pustaka Azzam.

*Al-Mu’jam al-Arabi al-Asasi*

<http://journalarticle.ukm.my.206/1/1.pdf> [26 April 2012]

Kemas Badaruddin. 2007. *Filsafat Pendidikan Islam (Analisis pemikiran Prof. Dr. Syed Muhammad al-Naqib al-Attas)*. Yogyakarta: Pustaka Pelajar.

Kementerian Pengajian Tinggi. 2006. *Modul Pembangunan Kemahiran Insaniah (Soft Skills) untuk Institusi Pengajian Tinggi Malaysia*. Serdang: Penerbit UPM.

*Oxford Student’s Dictionary*. 2002. New York: Oxford University Press.

Sidek Baba. 2003. Globalisasi dan cabaran pendidikan Islam. Dlm. *Memahami Isu-Isu Pendidikan Islam di Malaysia*. Pnyt. Suzalie Mohamad. KL: IKIM.

Sidek Baba. 2006. *Pendidikan Rabbani: Mengenal Allah Melalui Ilmu Dunia*. Shah Alam: Karya Bestari Sdn. Bhd.

Syahrul Riza. 2010. *Konsep Pendidikan Islam menurut pemikiran Ibn Khaldun*. Pnyt.: Noor Shakirah Mat Akhir. Kuala Lumpur: Scholar mind Publishing.

[www.mohr.gov.my](http://www.mohr.gov.my) Utusan Malaysia. 32,000 graduan menganggur. (30 Jun 2010). [26 April 2012]

Zainuddin Abu dkk. 2008. Pendekatan kaunseling mengenai masalah kebebasan dalam kalangan pelajar Institut Pengajian Tinggi: Dua kajian kes. *Jurnal Pendidikan* 33 (2008).